

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Wednesday, March 27, 2019 4:25 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Santai Bersama Naib Canselor Rungkai Permasalahan Pelajar



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**

27 MAC 2019 / 20 REJAB 1440H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media  
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

### SANTAI BERSAMA NAIB CANSELOR RUNGKAI PERMASALAHAN PELAJAR



**UUM ONLINE:** Menyelami rintihan, aduan dan permasalahan yang dihadapi pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) sepanjang berada di kampus ini, Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad

Bashawir Abdul Ghani telah turun padang bertemu pelajar dalam Majlis Santai Bersama Naib Canselor di Dewan TM, Inapan Siswa (Inasis) TM, semalam.

Dalam majlis itu, beliau berkongsi perkembangan terkini universiti bersama pelajar dan juga perancangan yang akan dilakukan universiti bukan sahaja demi kelestarian UUM, malah untuk manfaat semua warga universiti termasuk pelajar.

"Saya akan selalu turun dan pergi ke setiap Inasis untuk bertemu pelajar dengan lebih santai lagi bagi mendekati dan mengetahui lebih mendalam permasalahan yang dihadapi mereka.

"Pada masa sama, saya berhasrat untuk melahirkan pelajar UUM yang lebih proaktif, sesuai dengan era dan zaman sekarang iaitu Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan memastikan kita tidak ketinggalan dalam era digital ini," katanya.

Dalam sesi hampir dua jam itu, Naib Canselor telah merungkai permasalahan yang menjadi rungutan pelajar antaranya UUM Parcel Centre (UPC) yang akan diperkemaskan dalam masa terdekat dengan menempatkan satu lagi unit UPC di Inasis terpilih dan penambahan doktor atau pegawai perubatan bertugas di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) termasuk cadangan mewujudkan perkhidmatan rawatan kecemasan 24 jam.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir berkata, universiti juga akan membaik pulih kemudahan dan fasiliti di Inasis supaya pelajar dapat tinggal dengan lebih selesa lagi, malah bercadang untuk membangunkan satu lagi Inasis yang canggih bagi menampung jumlah pelajar yang ramai termasuk penambahbaikan fasiliti sukan seperti kemudahan gymnasium di Pusat Sukan.

"Dibandingkan dengan universiti lain, saya melihat servis yang diberikan UUM kepada pelajar adalah yang terbaik atau *not bad* tetapi mungkin ramai yang tidak menyedarinya..semua kemudahan ini kondusif untuk semua aktiviti.

"Saya yakin akan pastikan setiap perkhidmatan ini akan menjadi lebih baik lagi dan diharap semua pelajar mampu bersabar," ujarinya.

Antara lain, kemudahan internet akan dipertingkatkan lagi dengan kelajuan internet kepada 10Gbps dari 6Gbps dalam tempoh terdekat, sokongan pelajar untuk program *Smart Digital Campus* dan pelaksanaan program sepanjang bulan Ramadan tidak lama lagi.

Majlis Santai Bersama Naib Canselor diteruskan lagi dengan sesi soal jawab dengan pelajar dan juga sesi penyerahan kerusi roda kepada Muhammad Faiz Roslan, pelajar Semester 2, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans yang menghadapi masalah saraf pada kedua belah kakinya dan bergantung sepenuhnya kepada kerusi roda untuk bergerak.

Sebelum mengakhiri sesi, Naib Canselor mengingatkan pelajar supaya tidak membazirkan masa empat tahun di universiti, malah tidak melupakan hasrat ibu bapa yang ingin melihat anak-anak mereka berjaya dan cemerlang dalam pelajaran.

"Kita harus berubah..sekiranya datang dari keluarga susah, takkan kita mahu terus hidup susah..justeru, saya yakin semua mampu dan nak berubah untuk berjaya," katanya.

DARIPADA:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
04-928 3048/3049/3052/3061  
04-928 3053  
ukkuum@uum.edu.my  
Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.